

PANGGILAN PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL

PROGRAM PERANTIS CENDANA KOLABORASI BERSAMA-SAMA STUDIO HONG YI

GARIS MASA KESELURUHAN

Panggilan permohonan	Tarikh akhir pendaftaran	Makluman kepada peserta	Program perantis bermula
10 Mei 2021	8 Jun 2021	21 Jun 2021	1 Julai – 31 Disember 2021

1. Apakah Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?

Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi adalah sebuah program perantis selama enam (6) bulan yang disasarkan kepada graduan bidang kreatif, seniman muda dan tenaga kerja kebudayaan yang ingin mencorak masa depan yang penuh dengan peluang-peluang bermanfaat serta pengalaman berfaedah dalam bidang industri kreatif. Peserta yang terpilih akan didedahkan kepada latihan secara terperinci dan diberi tanggungjawab tertentu daripada anggota Studio Hong Yi yang berpengalaman.

Program ini menawarkan graduan bidang kreatif, seniman muda dan tenaga kerja kebudayaan dorongan dan motivasi diri dalam menjana perspektif dan corak pemikiran baru. Peserta hendaklah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan berkerjasama yang tinggi dan berkebolehan untuk mengatur kepelbagaian beban kerja secara efektif. Selain itu, peserta digalakkan untuk menyumbang idea, menyelesaikan masalah dan berfikir secara berdikari.

Panggilan untuk permohonan **Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi** akan dibuka pada 10 Mei 2021 sehingga 8 Jun 2021. Tempoh penilaian akan mengambil masa selama dua minggu dan pemohon yang terpilih akan memulakan program di Studio Hong Yi pada 1 Julai 2021.

Program ini menekankan rasa hormat diantara semua yang terlibat serta tanggungjawab dalam mencipta karya-karya yang hebat dan justeru berkongsi kejayaan yang bermanfaat secara kolektif. Peserta diharapkan dapat mencabar diri sendiri dan menyumbang terhadap kerja-kerja yang dilakukan sebagai usaha dalam perkembangan diri sebagai individu kreatif.

2. Apakah objektif Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?

Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi diharapkan dapat menyumbang pengetahuan, pengalaman dan kelayakan dalam membantu perkembangan kerjaya kreatif anda.

Objektif program adalah seperti berikut:

- Memberi pengetahuan dan pengalaman berguna dalam usaha meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam industri kreatif melalui pembelajaran dan pemerhatian pada cara kerja seorang seniman kontemporari yang berjaya dan anggota studionya;
- Membantu perkembangan kemahiran bernilai seperti kerjasama, komunikasi dan perhatian terhadap perincian sesuatu projek;

- Memperhalusi dan menambah pengetahuan dari segi pembuatan dan pengurusan projek artistik;
- Menjalin kerjasama dengan jaringan professional pelbagai bidang secara berdikari; dan
- Mendedahkan peserta kepada mentor yang boleh dicontohi sebagai rujukan pada tingkah laku yang diharapkan di tempat kerja untuk membantu dalam perkembangan peringkat awal kerjaya seorang individu kreatif .

3. *Apakah struktur Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?*

- Elaun berjumlah dua ribu ringgit (RM 2,000) sebulan akan disediakan bagi menampung perbelanjaan harian sepanjang tempoh program perantis dari 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021;
- Peruntukan sebanyak lima ratus ringgit (RM 500) berbentuk *one-off* akan diberikan jika perantis bermastautin di luar kawasan Lembah Klang dan perlu berpindah ke Kuala Lumpur;
- Elaun akan dimasukkan ke dalam akaun bank perantis pada akhir setiap bulan setelah pengesahan dibuat oleh Studio Hong Yi berkenaan kehadiran penuh sepanjang tempoh lima (5) bulan pertama perantis. Elaun bulan Disember akan dimasukkan ke akaun perantis setelah penyerahan semua dokumen yang diwajibkan seperti Borang Kajian Ekonomi CENDANA dan sebuah laporan refleksi (500 patah perkataan) tentang pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang program perantis yang disertakan dengan gambar mahupun video selama tempoh penglibatan;
- Sebelum memulakan program ini, anda diwajibkan menjalani ujian COVID-19 serta menjalani tempoh kuarantin selama sepuluh (10) hari (kos ujian dan kuarantin ditanggung sendiri). Program perantis hanya dapat dijalankan sekiranya ujian COVID-19 adalah negatif dan telah melalui tempoh kuarantin selama sepuluh (10) hari;
- Anda diwajibkan untuk bekerja di Studio Hong Yi di Kuala Lumpur, selama lima (5) hari seminggu selama lapan (8) jam sehari atau pada waktu kerja yang ditetapkan oleh Studio Hong Yi sepanjang tempoh program; dan
- Tugas harian anda akan ditentukan oleh Studio Hong Yi.

4. *Siapakah yang layak untuk memohon Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?*

- Warganegara Malaysia yang merupakan graduan baru bidang kreatif, khususnya daripada bidang seni bina dan/atau reka bentuk produk, seniman muda dan tenaga kerja kebudayaan yang ingin meneroka dan menambah kemahiran dan pengalaman mereka dalam bidang kreatif (Pemohon wanita adalah sangat dialu-alukan untuk memohon);
- Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan/atau Bahasa Malaysia;
- Pemohon yang boleh menghadirkan diri sepenuh masa sepanjang tempoh program perantis selama enam (6) bulan dari 1 Julai sehingga 31 Disember 2021;
- Mempunyai komputer riba peribadi; dan
- Mempunyai kemahiran asas perisian Adobe Creative Cloud (Illustrator, Photoshop, dll), AutoCAD atau perisian pemodelan 3D (Rhino, Sketchup, dll).

Adalah dimaklumkan bahawa jumlah tempat yang tersedia dalam program perantis ini terhad kepada empat (4) slot sahaja, dan pemohon yang menepati syarat kelayakan program ini akan dipilih melalui proses penilaian selepas tarikh akhir pendaftaran.

5. Apakah manfaat Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?

Program ini akan memanfaatkan peserta seperti berikut:

- Menimba pengalaman bekerja sebenar dan peluang perkembangan kerjaya
- Latihan dari segi artistik, teknikal dan pengurusan di tempat kerja serta di luar ruang bekerja yang merangkumi segala aspek bimbingan, latihan, penyelidikan dan sebagainya. Pemohon dapat mengembankan ilmu, kemahiran dan kelakuan yang diperlukan melalui projek-projek kreatif Studio Hong Yi yang menarik;
- Peluang untuk mengambil bahagian dalam proses pemikiran dan konseptualisasi karya kreatif inovatif yang menjangkau pembuatan seni secara tradisional;
- Memperoleh pengetahuan tentang bagaimana untuk memulakan dan mengekalkan kerjaya yang berjaya dalam bidang seni;
- Peluang memupuk hubungan profesional dengan industri kreatif melalui Studio Hong Yi dan jaringannya;
- Peluang menimba pengalaman, peningkatan daya kreatif serta membina CV untuk memulakan kerjaya yang berjaya.

6. Apakah cara permohonan Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi?

Permohonan hanya boleh dibuat melalui pautan atas talian. Hantarkan penyertaan anda melalui borang permohonan di laman web CENDANA di www.cendana.com.my selewat-lewatnya pada 8 Jun 2021.

- Peserta akan disaring daripada panggilan permohonan yang kompetitif.
- Pemohon diminta untuk menghantar;
 - *Cover letter*/surat permohonan kerja yang menggariskan sebab-sebab anda ingin menyertai **Program Perantis Kerjasama CENDANA-Studio Hong Yi**.
 - Profil / CV; dan
 - Sampel karya yang pernah dihasilkan - projek artistik, acara/program/aktiviti yang berkaitan dengan seni akan mempunyai kelebihan dalam peluang untuk dipilih (pautan laman web hasil karya yang telah diterbitkan jika ada)

Semua permohonan mesti disertakan dengan:

- Pengesahan bahawa **semua penyerahan adalah benar dan tepat; dan**
- **Persetujuan terma dan syarat yang diberikan** dalam **Program Perantis Kerjasama CENDANA-Studio Hong Yi** termasuk Pengakuan dan Penafian serta Tugas Untuk Menjaga Kesulitan dan Ganti Rugi.

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan dan/atau mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa makluman awal. Semua keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Permohonan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan melalui kaedah lain, misalnya e-mel, salinan cetak adalah **tidak akan diterima**.

7. *Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?*

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila e-mel artedu@cendana.com.my dengan subjek " Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi ".

8. *Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?*

- Setelah tarikh tutup permohonan, semua permohonan akan disaring berdasarkan kriteria kelayakan, kekuatan projek yang pernah dilakukan sebelum ini dan semua dokumen sokongan yang relevan telah diserahkan.
- Oleh sebab peluang penyertaan untuk program ini adalah terhad, adalah dimaklumkan bahawa semua permohonan akan dinilai dan disenarai pendek oleh Panel Pemilihan CENDANA dan Studio Hong Yi.
- Semua permohonan yang dikemukakan kepada CENDANA adalah sulit.

9. *Apakah yang berlaku setelah permohonan anda dinilai?*

Permohonan Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui pengesahan e-mel selewat-lewatnya **pada 21 Jun 2021**.

Permohonan Tidak Berjaya

Permohonan yang tidak berjaya juga akan menerima makluman rasmi daripada CENDANA.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

10. *Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?*

Pemohon yang berjaya hendaklah;

- Melalui proses temuduga dan permohonan yang berjaya akan terikat dengan sebuah perjanjian di antara CENDANA dan Studio Hong Yi;
- Memberi komitmen masa untuk **Program Perantis CENDANA Kolaborasi Bersama-sama Studio Hong Yi dari 1 Julai – 31 Disember 2021**;
- Menyelesaikan segala tugas yang diberikan oleh Studio Hong Yi sepanjang program berlangsung;
- Bersedia untuk memberikan maklumbalas kritikal dan ulasan keseluruhan untuk penambahbaikan program;
- Ikut serta dalam sebarang wawancara atau dokumentasi media/PR CENDANA dan/atau Studio Hong Yi.

11. *Apakah yang diperlukan setelah Program selesai?*

Pemohon hendaklah:

- Menulis laporan refleksi (sekurang-kurangnya 500 patah perkataan) mengenai pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh daripada program (disertakan dengan sebarang gambar

atau rakaman video sepanjang program) dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh akhir program perantis; dan

- Melengkapkan Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA.

Nota Garis Panduan Pembiayaan.

Dalam pada usaha kami mempromosikan dan mengembangkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengeluarkan dana awam selaras dengan dasar kerajaan, CENDANA harus mengutamakan pembiayaan untuk permohonan **yang tidak**:

- Menghina atau memperlekehkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau menimbulkan konflik atau salah faham dalam masyarakat kita yang berbilang budaya dan berbilang agama; dan
- Mengancam keselamatan atau kestabilan negara.

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan/kelulusan sekiranya ada:

- Merendahkan atau mencemarkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat menyelesaikan projek seperti yang dikemukakan (tanpa kebenaran yang sah);
- Pelanggaran terma dan syarat yang ditentukan dan dipersetujui dalam perjanjian.

Namun, jika anda tidak melaksanakan proposal anda, tidak mencapai sasaran yang dipersetujui bersama, atau membelanjakan jauh lebih rendah daripada yang apa yang dipersetujui dari awal, CENDANA berhak untuk mengkaji semula pembiayaan yang disetujui, dan/atau menghentikan pembiayaan sama sekali.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi budaya yang cergas, lestari dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia bagi membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan tempat yang strategik Malaysia di pentas global. CENDANA disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Syarikat milik penuh Menteri Perbadanan Kewangan) dan berlapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

TENTANG RED HONG YI

Red Hong Yi adalah seniman kontemporari Malaysia yang membuat karya mengenai warisannya dan kesedaran diaspora Cina. Dikenal sebagai “seniman yang melukis tanpa berus cat”, beliau membuat seni instalasi media campuran dengan menterjemahkan semula barang kegunaan harian melalui proses pengumpulan object. Dengan menggabungkan pertukangan tradisional dan teknologi digital, beliau mencipta karya yang mempertimbangkan kebiasaan persepsi dan prasangka terhadap objek dan subjek yang dipilih yang mengekspresikan tema wanita dan bangsa. Red Hong Yi memperoleh pembelajarannya dari University of Melbourne. Karyanya telah dipamerkan di H Queens di Hong Kong, Asian Art Museum di San Francisco, World Economic Forum di Davos dan Anchorage Museum di Alaska. Kolektor karyanya termasuk JP Morgan Chase Bank dan pelakon Jackie Chan. Karyanya telah dipaparkan dalam penerbitan termasuk Wall Street Journal, TIME, dan New York Times. Sotheby’s Institute telah menamakannya sebagai salah satu daripada “11 usahawan dunia seni yang harus anda ketahui”. Majalah Tatler telah menamakannya sebagai salah satu suara paling berpengaruh di Asia



pada tahun 2020.